

21/08/1997

Kejatuhan pasaran tidak jejas portfolio ASN

BANGI, Rabu - Portfolio Amanah Saham Nasional (ASN) masih berada pada tahap kukuh dan stabil walaupun pasaran saham mengalami kejatuhan sejak kebelakangan ini, kata Ketua Eksekutif Permodalan Nasional Berhad (PNB), Datuk Mohd Hilmei Mohd Taib.

Tanpa menafikan ASN juga menerima kesan daripada kejatuhan pasaran saham, beliau berkata, walaupun pasaran saham berada di bawah paras 900 mata pada suatu ketika, ASN masih kukuh iaitu pada harga RM1.35 sen.

"Ini petanda baik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Pendidikan Pelaburan Untuk Institut Pengajian Tinggi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, hari ini.

Bengkel dua hari anjuran Kelab Kewangan, Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP), UKM yang ditaja Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) itu dihadiri kira-kira 200 mahasiswa tempatan.

Ia bertujuan mendedahkan mereka mengenai kaedah dan strategi pelaburan yang semakin kompleks dan bersifat global.

Menurut Mohd Hilmei, harga ASN yang diuruskan oleh ASNB juga terikat kepada 'konsep risiko dan pulangan' sejak ia diurusniagakan mengikut harga pasaran.

Bagaimanapun katanya, kini masih terlalu awal untuk meneka atau mengagak kadar dividen sebenar ASN walaupun ia turut menerima kesan kejatuhan harga pasaran saham.

"Saya fikir kita masih ada masa untuk menunggu sehingga akhir tahun. Kadangkala pasaran sukar dijangka dan kadangkala boleh pulih dengan cepat," katanya.

Beliau tidak menafikan buat masa ini nilai harta bersih (NAV) bagi ASN secara umumnya mencatat penurunan berikutan kejatuhan pasaran saham, tetapi apa yang perlu dilihat oleh pelabur ialah saiz atau darjah penurunan NAV bagi ASN tidak begitu ketara berbanding saham lain.

Mengenai saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya pelabur individu dan institusi membeli saham ketika harga murah sekarang, Mohd Hilmei berkata, PNB akan mengambil peluang itu.

PNB, katanya, menganggap nisbah perolehan harga (PE) di pasaran sekarang adalah paling rendah berbanding lima tahun lalu dan akan menggunakan peluang itu untuk membeli saham ketika ia murah.

"Ini memang tugas PNB untuk mengambil peluang. Apabila harga rendah, kita beli dan apabila harganya tinggi kelak, kita jual," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pasaran saham tempatan perlu mempunyai lebih banyak pelabur institusi bagi mengelak kesan ketara apabila berlaku kejatuhan harga.

Pelabur institusi perlu kerana mereka biasanya tidak mudah terpengaruh dengan unsur sentimen atau faktor persekitaran, sebaliknya membuat pelaburan untuk jangka panjang berbanding pelabur individu.

Beliau turut menyokong saranan kerajaan agar pasaran saham tempatan lebih dimonopoli oleh pengurus dana tempatan bagi mengelak kesan ketara apabila ia mengalami kejatuhan.

Ketika berucap beliau berkata, kini PNB yang bertanggungjawab menguruskan dana bernilai lebih RM40 bilion, mempunyai 6.7 juta pemegang unit berdaftar membabitkan pelbagai skim sehingga sehingga 7 Ogos lalu.

Selain ASN, PNB turut menguruskan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW).

(END)

